

BULETIN IIM

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY

**SELAMAT
HARI
MALAYSIA
2022**



KANDUNGAN



BICARA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- 3 Rai Kemerdekaan melalui Nilai Integriti

RENCANA / ARTIKEL BERITA

- 4 Integriti dalam Keluarga Malaysia
- 5 Komitedkah Organisasi Komersial Bendung Rasuah?
- 6 Makna Sebenar Cintakan Negara
- 8 Kontrak Kerajaan, Pesan Motosikal, Dapat Basikal, Bayar Harga Kereta
- 10 Dilema Etika, Satu Paradoks Dalam Membuat Keputusan Berintegriti
- 12 Audit Dalam dan Perspektif "Mata Lalat"?

PROGRAM DAN AKTIVITI IIM / BERITA

- 13 Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat IIM
- 14 Perbarisan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Perarakan dan Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65
- 15 Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18 (MAPPA XVIII) bertemakan "Penjawat Awam Tonggak Aspirasi Keluarga Malaysia"
- 16 Majlis Pelancaran Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB)
- 18 Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building* (CIB) Peringkat Residensi Sibu Perbincangan mengenai pelaksanaan Projek Rintis CIB di Kuching Utara, Sarawak
- 19 Siri ke-2 Sesi Latihan Bengkel *Training of Trainer* (TOT) bagi Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB)
Siri ke-4 Sesi Latihan Bengkel *Training of Trainer* (TOT) CIB

SIDANG REDAKSI

Penaung dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM
YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Ketua Editor
Encik Zubayry Abdy Sofian

Editor
Puan Norsheeda Din
Cik Effa Fazira Azmi

Jurugambar
Encik Aryzam Rahim
Cik Firzana Roslan

Penyumbang Artikel
Encik Mohd Hafizdi Che Md Akhir
Cik Nurul Wahidah Mohammad

Diterbitkan setiap suku tahun oleh

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Menara INTEGRITI, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

- 20 Majlis Pelancaran Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP)
- 22 Majlis Pelancaran Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)
- 23 Mesyuarat Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) Bil. 2/2022
Bengkel "Training The Trainers (TTT)" CISM
- 24 Mesyuarat Koordinasi bersama Agensi-agensi di bawah Pusat Governans, Integriti & Anti-Rasuah Nasional (GIACC) Bil. 1/2022
- 25 Majlis Induksi dan Suai Kenal bersama 15 orang pegawai Koordinator Projek (MySTEP)
Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Ogos 2022
- 26 Majlis memeterai Kontrak Instrumen Penilaian *Individual Integrity Profile* (IIP)
Proses penilaian Anugerah Integriti Governans dan Antirasuah (AIGA)
- 27 Perhimpunan Bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama YAB Perdana Menteri
Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 3 Tahun 2022
- 28 Bengkel Asas Tatacara Mencukupi dan Prinsip T.R.U.S.T Bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)
Majlis Pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) antara IIM dengan AEON Co. (M) Bhd.

SENARAI PROGRAM SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI (SPI) – JULAI - SEPTEMBER 2022

GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT

MODUL LATIHAN IIM

RAI KEMERDEKAAN MELALUI NILAI INTEGRITI

Tahun 2022, genaplah 65 tahun bumi bertuah Malaysia mengecapi nikmat kemerdekaan. Pada tahun ini juga, Keluarga Malaysia di seluruh negara kembali berpeluang meraikan sambutan kemerdekaan secara besar-besaran atas semangat Keluarga Malaysia Teguh Bersama dan sebagai sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Nilai kemerdekaan ini juga yang telah memupuk perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, selain integrasi nasional silang budaya merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Keluarga Malaysia bebas mengamalkan budaya, menguasai pelbagai bahasa serta menganut agama dari leluhur masing-masing. Namun kebebasan yang dikehendaki ini hendaklah selari dengan pengamalan nilai-nilai murni dan kebertanggungjawaban seperti menjawab nilai integriti yang sekali gus dapat menterjemahkan nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran hidup sebagai keluarga besar, Keluarga Malaysia.

Bercakap mengenai nilai integriti, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai transformasi dan penambahbaikan dalam usaha untuk memperkasakan lagi peranannya sebagai peneraju utama integriti negara. Ia selari dengan mandat baharu yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 19 September 2022 dimana peranan IIM telah diperkuuhkan semula berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi

aspek Pendidikan, Advokasi dan Latihan, Penyelidikan dan Penerbitan serta Kerjasama Strategik. Model Perniagaan IIM juga akan dilaksanakan secara hibrid untuk membantu mengukuhkan integriti dan tadbir urus sektor awam dan swasta.

IIM yakin setiap ahli masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam merealisasikan pengamalan dan pembudayaan nilai integriti sejajar dengan tema ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’. Ini dibuktikan menerusi inisiatif IIM dalam membangunkan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) melibatkan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di beberapa buah negeri. Sebagai contoh yang terbaharu, program CIB telah memberi manfaat kepada 4 residensi terpilih di Sarawak dalam usaha memperkuuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memperkasakan sistem pemantauan yang lebih inklusif mencakupi aspek integriti dan tadbir urus dalam komuniti.

Buat julung kalinya juga, IIM bakal menganjurkan Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) di peringkat kebangsaan yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 November bersempena dengan Sambutan Hari Integriti Nasional. AIGA adalah anugerah yang bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang telah menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi masing-masing.

Bagi meneruskan usaha pengamalan nilai integriti terlaksana disemua peringkat terutama di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP), IIM juga telah melaksanakan siri bengkel dan konsultasi seperti pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) kepada organisasi awam dan swasta. Selain itu, IIM terus giat membangunkan kerjasama strategik bersama pelbagai organisasi sektor awam dan swasta. Antara jalinan kerjasama baharu adalah dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); Global Psytech Sdn Bhd; AEON Co. (M) Bhd.; Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Universiti Kolej Yayasan Pahang (UCYP).

Kesemua pendekatan baharu yang diperkenalkan ini adalah komitmen padu dan semangat berpasukan yang tinggi agensi awam dan swasta untuk bersama-sama berganding bahu dengan IIM bagi mencapai aspirasi negara menerusi usahasama berterusan dan secara kolektif di antara semua pihak dalam merealisasikan pencapaian matlamat yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah”. Ini kerana, integriti antara elemen penting yang membolehkan kita terus bersatu padu untuk mempertahankan nilai-nilai kedamaian, keamanan dan kemerdekaan bagi membangun dan menjaga kedaulatan negara Malaysia.

DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI

Ketua Pegawai Eksekutif

INTEGRITI DALAM KELUARGA MALAYSIA

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi
Disiarkan dalam Sinar Harian, 20 September 2022

“**M**eriah dan luar biasa” itu antara frasa menggambarkan kejayaan Sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang telah berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini. Tekad dan bersatu hati memanifestasi tema ‘**Keluarga Malaysia Teguh Bersama**’ terlihat jelas dalam keterujaan ribuan pengunjung membanjiri lokasi utama perarakan dan perbarisan seawal 4.30 pagi lagi. Ianya juga membuktikan semangat patriotisme, kebersamaan dan kesepaduan kekal utuh dalam jiwa Keluarga Malaysia.

Namun begitu, persoalannya adakah semangat ini sudah memadai? Memetik kenyataan daripada YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, pihaknya mengalami kerugian sehingga RM700,000 selepas pokok-pokok yang ditanam sebagai landskap di sekitar Ibu Negara rosak dipijak para pengunjung ketika sambutan Hari Kebangsaan. Kenapa kita sebagai rakyat Malaysia masih kurang cakna tentang pengamalan integriti dalam kehidupan seharian kita.

Integriti menggambarkan amalan berpegang teguh kepada prinsip kebaikan dan nilai kejujuran. Amalan ini perlu diterjemahkan dalam semua aspek kehidupan merentasi segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) amat penting untuk terus berusaha menerapkan penghayatan nilai integriti di semua kumpulan sasar, bukan sahaja di sektor awam, sektor swasta, komuniti malah turut memfokuskan kepada generasi muda.

Sehubungan itu, pelbagai program dan inisiatif baharu telah dibangunkan oleh IIM bagi menyemarakkan pembudayaan integriti di semua peringkat kalangan masyarakat. Sebagai contoh, IIM telah memperkenalkan inisiatif Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) di empat Residensi terpilih di Sarawak dalam usaha menyebar luas kepentingan membina sebuah komuniti yang berintegriti melibatkan komuniti setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Menerusi program ini, jawatankuasa penduduk yang terlibat akan menjadi ‘pemandu’ menggunakan sistem yang dibangunkan oleh IIM bagi kerja-kerja pengurusan setempat seperti pengutipan sampah atau pembersihan perparitan. Ia secara langsung membantu memperkuuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta mempertingkatkan kerjasama antara PBT dan komuniti



melalui amalan berintegriti. Amatlah diharapkan program CIB ini seterusnya dapat diperluaskan keseluruhan negeri Sarawak serta lain-lain negeri mulai tahun hadapan.

IIM percaya bahawa pengamalan dan pembudayaan nilai integriti akan dapat dipertingkatkan dengan keterlibatan erat organisasi awam dan swasta sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di mana “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Selari dengan itu, IIM telah melaksanakan siri bengkel dan konsultasi seperti konsultasi pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) kepada organisasi awam dan swasta.

Selain itu, IIM bersama-sama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membangunkan Program Sijil Profesional Kepimpinan Integriti (SPKI) yang akan ditawarkan mulai awal tahun hadapan. Program ini bertujuan untuk menjadi peneraju amalan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah dalam organisasi swasta dan awam khususnya kepada generasi muda yang bakal mengemudi pentadbiran Negara.

Namun kesemua usaha ini memerlukan gandingan erat Keluarga Malaysia dan komitmen padu semua lapisan masyarakat demi memanifestasikan tema ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’. Tidak terlambat untuk kita menzahirkan rasa cinta kepada negara pada sambutan Hari Malaysia, 16 September ini terutama sekali sekiranya kita rakyat Malaysia menghayati nilai integriti dalam kehidupan seharian umpama “melakukan sesuatu yang baik, walaupun tiada orang melihatnya”.

Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia.

KOMITEDKAH ORGANISASI KOMERSIAL BENDUNG RASUAH?

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi
Disiarkan dalam Utusan Malaysia, 12 September 2022



Keterlibatan semua peringkat pengurusan samaada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar atau Ahli Lembaga Pengarah adalah penting bagi membantu mewujudkan sebuah organisasi yang berintegriti dalam menjalankan perniagaan dan bersikap telus dalam proses membuat keputusan. Selari dengan ini, kepimpinan organisasi komersial hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi bagi melaksanakan program pematuhan antirasuah bagi mencapai tatacara mencukupi.

Peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 adalah bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, bersih dan bebas rasuah; menggalakkan organisasi komersial melaksanakan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi; dan mempromosikan tadbir urus baik dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah.

Pada dasarnya, di bawah Seksyen 17A, organisasi komersial perlu bertanggungjawab dan boleh dikenakan hukuman jika pekerja atau pihak yang bersekutu dengannya terlibat dalam jenayah rasuah. Pembelaan yang boleh digunakan sekiranya dipertuduh di bawah Seksyen 17A adalah pembuktian ‘tatacara mencukupi’.

Namun, persoalan yang sering dibincangkan dalam kalangan kepimpinan sesebuah organisasi komersial adalah **sejauh mana tatacara mencukupi benar-benar dikira “mencukupi”** bagi sesebuah organisasi membuktikan kepada pihak yang berkaitan bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya dan mematuhi tatacara tersebut.

Sehubungan itu, rujukan boleh dibuat ke atas Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh Kerajaan selaras dengan subseksyen (5) seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang telah menggariskan lima prinsip utama yang boleh dijadikan asas rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara mencukupi.

Dalam melaksanakan tatacara mencukupi, organisasi komersial boleh mempertimbangkan penggunaan audit luar contohnya audit MS ISO 37001 bagi mendapatkan kepastian bahawa operasi organisasi mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur berkaitan antirasuah. Antara langkah penilaian yang boleh dilaksanakan adalah pensijilan ISO37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. ABMS merupakan satu sistem kawalan dalam sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah bagi sesebuah organisasi komersial harus menunjukkan kepimpinan dan komitmen terhadap ABMS yang telah dibangunkan dengan:-

- Meluluskan polisi antirasuah organisasi;
- Memastikan strategi dan polisi antirasuah adalah selari;
- Menerima dan mengkaji maklumat pada selang waktu yang dirancang mengenai pengoperasian sistem pengurusan antirasuah;
- Memerlukan penugasan sumber yang mencukupi dan sesuai untuk program pematuhan; dan
- Menjalankan pengawasan yang wajar terhadap sistem pengurusan antirasuah organisasi.

Dalam memastikan sistem pengurusan antirasuah dilaksanakan dengan terancang dan berkesan, pihak kepimpinan sesebuah organisasi haruslah juga memastikan fungsi pematuhan antirasuah dikendalikan oleh individu (seperti pegawai atau unit integriti dan governans) yang memiliki **“kompetensi, status, kewibawaan dan kebebasan”** yang sesuai.

Sesungguhnya, pelbagai inisiatif di peringkat Kerajaan telah dilaksanakan untuk menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan

dengan berintegriti, tanpa rasuah dan mempromosi amalan tadbir urus baik dalam organisasi, antaranya menerusi usaha Institut Integriti Malaysia (IIM) membangunkan Manual Latihan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi pada 24 Jun 2022. Manual ini bertujuan membantu organisasi komersial termasuk Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang mempunyai sumber yang terhad untuk memahami keperluan terhadap Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan mengaplikasikan Tatacara Mencukupi dalam organisasi masing-masing bagi tujuan membendung gejala rasuah.

IIM juga telah membangunkan dan akan melancarkan Modul Kursus Corporate Integrity System Malaysia (CISM) pada 14 September 2022 mengikut standard antarabangsa yang diamalkan oleh sektor swasta di Malaysia. Modul kursus CISM ini merupakan projek kerjasama antara IIM bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Transparency International Malaysia (TI-M), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia Berhad. Ianya memberi penekanan kepada tujuh (7) inisiatif iaitu Kepimpinan, Kod Etika, Polisi Mengenai Pencegahan Rasuah, Pengurusan Risiko Rasuah, Latihan dan Komunikasi, Penilaian Prestasi, dan Pelaporan Pencegahan Rasuah.

Kesemua pendekatan baharu yang diperkenalkan ini adalah komitmen padu dan semangat berpasukan yang tinggi agensi awam dan swasta untuk bersama-sama berganding bahu dengan IIM bagi mencapai aspirasi negara menerusi usahasama berterusan dan secara kolektif di antara semua pihak dalam merealisasikan pencapaian matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Komitmen ini juga merupakan pendekatan dan penambahbaikan baharu IIM dalam usaha untuk memperkasakan lagi landskap ekosistem integriti negara.

Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia.

MAKNA SEBENAR CINTAKAN NEGARA

Oleh Mohd Hafizdi Che Md Akhir



Rasanya belum terlambat jika setinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Studio Kembara dan saudara Syamsul Yusof kerana berjaya merangkul kutipan tertinggi di Malaysia apabila filem Mat Kilau telah mencecah kutipan tontonan sebanyak RM97 juta baru-baru ini.

Penayangan filem biografi epik sejarah Malaysia itu yang menjadi fenomena adalah selari dengan sambutan ulang tahun ke-65 kemerdekaan negara bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama pada bulan 31 Ogos 2022 ini.

Sebagai sebuah filem yang menceritakan tentang kebangkitan seorang pahlawan Melayu di Pahang melawan British sudah tentunya akan melahirkan rasa semangat patriotisme dalam kalangan para penonton.

Sudah semestinya nama Mat Kilau kini menjadi sebutan oleh masyarakat kita, terutama dalam kalangan kanak-kanak sebagai salah seorang pahlawan yang menentang penjajah dan sanggup mengorbankan nyawa.

Namun begitu, ramai lagi para pahlawan atau pejuang kemerdekaan negara yang telah banyak berjasa kepada kita sehingga mereka sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi menegakkan integriti prinsip perjuangan untuk membebaskan tanah air tercinta dari cengkaman penjajah. Contohnya Dato Bahaman, Tok Gajah, Tok Janggut, Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor, Laksamana Mohamad Amin, Ngah Ibrahim, Pak Haji Abdul Rahman Limbong, Mat Salleh, Rentap dan ramai lagi.

Jika dilihat, cara seseorang menunjukkan rasa semangat patriosme dan cintakan

negara itu berbeza mengikut situasi, masa dan tempat. Para pejuang kemerdekaan seperti di atas sanggup mengorbankan harta, nyawa dan orang tersayang demi memastikan bangsa dan negara tidak dijahah sewenang-wenangnya semasa mereka hidup.

Pada tahun ini memperlihatkan kita bagaimana sambutan hari kemerdekaan disambut dengan penuh meriah, dan ramai yang sanggup datang awal pagi ke Dataran Merdeka. Namun begitu, disebalik kemeriahan yang ditunjukkan oleh jumlah yang besar para hadirin yang mempunyai semangat cintakan negara, terdapat segelintir yang merosakkan harta benda awam yang menyebabkan kerugian kepada pihak Dewan Bandara Kuala Lumpur (DBKL).

Berkaitan itu, Penulis teringat akan kata-



kata seorang sahabat, “apa gunanya mengibarkan Jalur Gemilang tetapi buang sambah merata-rata termasuk buang sambah dari dalam kenderaan. Apa gunanya mengibarkan Jalur Gemilang tetapi memperdagangkan kuasa, melakukan pelanggaran integriti dan tidak menjaga sempadan negara dengan elok. Apa guna mengibarkan Jalur Gemilang tetapi tidak membayar cukai. Apa gunanya mengibarkan Jalur Gemilang jika melakukan melakukan jenayah. Apa gunanya mengibarkan Jalur Gemilang tetapi tidak menghormati institusi beraja dan tidak bangga dengan bahasa sendiri. Paling teruk adalah apa gunanya mengibarkan Jalur Gemilang jika asyik melakukan perbuatan rasuah tanpa rasa segan silu dan rasa bersalah”.

Sebagai rumusan kepada kata-kata sahabat Penulis itu, mengibarkan Jalur Gemilang sahaja tidak cukup untuk kita tunjukkan kepada semua orang yang kita cintakan negara kita, tetapi perlu juga menjaga negara kita dari pelbagai aspek yang lain seperti semua orang menjaga dan memelihara kualiti alam sekitar dan kehidupan, penjawat awam menjalankan tugas seperti yang diamanahkan, pembayar cukai tidak menipu dalam urusan pembayaran cukai, semua rakyat menghormati institusi raja berpelembagaan, kita tidak melanggar undang-undang negara termasuk tidak melakukan sebarang perbuatan salahguna kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Oleh itu, hanya dengan menjadikan pengamalan nilai-nilai murni secara menyeluruh dan menjadi seorang warga negara yang berintegriti, barulah secara asasnya boleh mengatakan kita seorang yang patriotik. Sesungguhnya, seseorang yang berintegriti dan patriotik akan menjaga dan memelihara tanah air tercinta melalui pelbagai cara. Hanya dengan cara ini, kemerdekaan sesebuah negara akan dapat dijaga. Sebaliknya, jika sesebuah negara itu mempunyai pengamalan integriti yang rendah, tidak mustahil negara tersebut akan hilang

Negara	Kedudukan Negara		
	Corruption Perception Index 2021	Human Development Report 2020	Global Peace Index 2022
Malaysia	62	62	18
Indonesia	96	107	47
Filipina	117	107	125
Cambodia	157	144	62
Vietnam	87	117	44
India	85	131	135
Pakistan	140	154	147

Sumber: Transparency International, United Nations Development Programme dan Institute for Economics and Peace

kemerdekaan, dan ekonomi dijajah oleh pihak luar.

Kita patut bersyukur kerana kalau kita bandingkan negara kita dengan negara-negara jiran terdekat di mana negara mereka mendapat kemerdekaan lebih awal daripada kita. Menurut statistik, negara kita mendahului negara tersebut dalam pelbagai aspek termasuk dari segi integriti, keamanan dan pembangunan. Contoh negara-negara tersebut adalah Indonesia (1945), India (1947), Cambodia (1953), Pakistan (1947), Filipina (1946) dan Vietnam (1945).

Sebagai perbandingan, kita boleh merujuk kepada beberapa laporan dan indeks yang dikeluarkan diperingkat antarabangsa seperti Corruption Perception Index 2021, Human Development Report 2020 dan Global Peace Index 2022.

Melihatkan keadaan negara dan dunia pasca wabak Covid-19 melanda, pelbagai isu dan cabaran terpaksa kita tempuh. Mendepani pasca Covid-19, isu integriti dibimbangi semakin meningkat

akibat ketidaktentuan ekonomi semasa di mana akan mengambil masa bagi tujuan pemulihian berperingkat.

Oleh itu, bersempena sambutan bulan kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia pada tahun ini yang bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”, Penulis berharap agar semua rakyat Malaysia bukan sahaja menghayati dan menyemai konsep keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran amnya sebagai warganegara yang merdeka, bahkan perlu teguh bersama dalam erti kata kebersamaan dan kebersatuhan dalam meningkatkan integriti rakyat dan negara Malaysia agar negara tercinta ini tidak roboh dan kekal merdeka. Secara tidak langsung menyumbang kepada kelestarian ekosistem integriti negara yang lebih mampan.

Penulis ialah Ketua Seksyen Pengurusan Integriti, IIM.

KONTRAK KERAJAAN, PESAN MOTOSIKAL, DAPAT BASIKAL, BAYAR HARGA KERETA

Oleh Dato' Sri Akhbar Satar
Disiarkan dalam Berita Harian, 07 September 2022



PESAN motosikal, dapat basikal, bayar harga kereta. Ini di antara yang masih berlaku di dalam kontrak kerajaan apabila kegiatan rasuah berleluasa dalam kalangan pegawai kerajaan dan ahli politik yang bersetekongkol dengan kontraktor dan termasuk kartel.

Ternyata mereka tidak serik ‘pakai’ gelang besi dan baju oren serta seterusnya masuk di dalam jerji besi. Perbuatan kejadian ini akan terus berlaku dan sukar diramal bila ia akan berakhir berdasarkan kepada perkembangan mutakhir.

Tahun lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tujuh individu dipercayai anggota sindiket memonopoli tender kementerian dan agensi kerajaan, termasuk ketuanya berusia 47 tahun, sekali gus dipercayai melumpuhkan kartel projek serta tender kerajaan dengan nilai projek dianggarkan RM3.8 bilion.

Kartel terbabit memonopoli 345 tender, mengawal lebih 150 syarikat daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan untuk memasuki tender atau sebut harga di seluruh negara serta dipercayai beroperasi sejak 2014.

SPRM menahan seorang juru ukur bahan agensi kerajaan dipercayai membocorkan maklumat spesifikasi projek kerja penyediaan Bill of Quantity (BQ) bagi memudahkan penyediaan dokumen tender.

Manipulasi tender di jabatan kerajaan sudah lama berlaku. Ketika pandemik dan darurat, banyak peraturan dilonggarkan. Paling merbahaya, kontrak diberikan melalui rundingan terus, jatuh pula kepada kartel yang mempunyai hubungan baik dengan orang dalam atau tali barut.

Kegiatan fraud atau penipuan hanya boleh berlaku apabila ada kerjasama di antara orang dalam dengan syarikat tertentu. Pegawai kerajaan dan ahli politik yang tidak amanah berkuasa meluluskan kontrak akan dikenal pasti kelemahannya. Sebagai manusia, ada yang lemah dengan harta, takhta atau wanita.

Sindikit, kartel atau kontraktor akan memenuhi apa sahaja kehendak mereka. Apabila sudah terjerumus, maruah akan tergadai.

Maklumat dan spesifikasi akan dibocorkan, malah sanggup memberikan kontrak kepada kartel atau kroni, sekali gus menerima rasuah kerana mahu hidup mewah.

SPRM mengenal pasti 16 bentuk penyelewengan yang kerap berlaku di dalam sistem perolehan membabitkan pegawai yang diberi amanah menguruskan perolehan dan perbekalan.

Ini termasuk menerima komisen di antara 5 hingga 10 peratus berdasarkan nilai projek daripada syarikat yang berjaya. Ada maklumat dalaman mengatakan bahawa kartel boleh memberi rasuah kerana harga kontrak dinaikkan sehingga 30 peratus.

Maklumat ini sama seperti yang dinyatakan oleh Tan Sri Ambrin Buang mantan Ketua Audit Negara, lebih 30 peratus nilai projek sektor awam di Malaysia hilang akibat salah pengurusan dan rasuah.

Bayangkan berapa banyak jumlah simpanan dapat digunakan ataupun projek baharu dapat dilaksanakan dengan efektif menggunakan jumlah yang hilang itu.

Orang dalam membocorkan maklumat, termasuk nilai kontrak supaya kartel atau kontraktor tertentu memenangi tender tertentu.

Modus operandi ini juga popular apabila ada pihak menciplak kertas cadangan yang dikemukakan oleh pihak lain yang kemudiannya memberikan kepada syarikat tertentu. Ia memberi implikasi buruk pada syarikat lain yang lebih layak.

Terdapat menteri yang korup dan pegawai tidak berintegriti menyokong dan dengan sengaja meminta syarikat tertentu masuk dengan sebut harga lebih tinggi.

Ada yang mencipta sebut harga menggunakan kepala surat atau profil syarikat tertentu yang tidak tahu-menahu mengenainya.

Ada juga yang berpakaat dengan syarikat pembekal mendapatkan sebut harga lima syarikat lain sebagai syarat mematuhi peraturan.

Mereka ini merosakkan nama baik jabatan dan pihak lain yang berintegriti.

Walaupun Malaysia mengamalkan e-perolehan, akhirnya manusia juga yang menerima, memproses dan menentukan pihak mana yang akan berjaya mendapat kontrak.

Di sinilah berlakunya manipulasi dan sabotaj supaya hanya syarikat kroni atau kartel disenarai pendek, termasuk syarikat dimiliki orang yang sama.

Orang yang mempunyai hubungan yang baik dan mempunyai kepentingan dengan membuat keputusan sering ditawarkan kontrak walaupun ada syarikat lain yang lebih layak dan wibawa.

Sepatutnya ketua jabatan bertanggungjawab dan semua kontrak ditawarkan kepada syarikat yang layak dan berwibawa sahaja.

Usaha wajar atau "due diligence" komprehensif patut dilaksanakan, termasuk menyemak kembali dokumen kewangan dan mengesahkan keupayaan projek lalu sesebuah syarikat yang akan ditawarkan kontrak.

Apabila rasuah menjadi darah daging, tangan pula sudah diikat dan mulut sudah ditutup sehingga lemah dan menurut apa sahaja kehendak para kartel atau kontraktor yang terbabit.

Mereka ini di pelihara oleh kontraktor tertentu sehingga takut mengambil tindakan yang betul.

Adakalanya kontraktor sendiri membawa kertas cadangan untuk dipertimbang dan dilaksanakan (contractor driven).

Sudah tentu ahli politik dan pegawai awam yang tiada integriti mengambil peluang keemasan bertindak mencari peruntukan bagi menampung pembelian yang dicadangkan oleh kontraktor walaupun tiada nilai ekonomi serta manfaat kepada jabatan atau masyarakat.

Sepatutnya sebelum sesuatu projek dilaksanakan atau peralatan dibeli, perlu ada keperluan dan perancangan, oleh sebab itu banyak projek yang telah siap tetapi menjadi gajah putih.

Yang paling sedihnya projek raksasa bernilai berbilion tidak siap sedangkan lebih separuh daripada bayaran dibuat melalui kaedah "time based" bukan "progress based".

Sejak 2010, penulis beberapa kali mencadangkan semua pegawai di jabatan jabatan yang tinggi risikonya seperti bahagian kontrak dan kewangan perlu ditempatkan pegawai tinggi akhlak serta ditukar setiap tiga tahun.

Tambahan lagi, pengawasan oleh pihak atasan hendaklah ditingkatkan supaya kebarangkalian berlakunya rasuah, penipuan dan ketirisan dapat dielakkan.

Menteri bertanggungjawab juga perlu mempunyai nilai integriti tinggi dan tunjuk contoh yang baik. Setiap kelakuan salah laku diketahui umum juga "sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.

Sebagai pegawai awam, walaupun tidak boleh menolak campur tangan ahli politik namun mereka boleh melaksanakan hak mereka untuk mengabaikan arahan yang bertentangan dengan undang-udang.

Mengikut SPRM, rasuah membabitkan ketirisan di dalam perolehan kerajaan dilihat semakin kritis dan beliau mengatakan 50 peratus kes membabitkan agensi kerajaan.

Amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam sistem perolehan boleh mendatangkan kesan negatif bukan sahaja kepada masyarakat selaku pengguna, bahkan juga kerugian dan ketirisan kepada kerajaan.

Ia boleh merugikan masyarakat jika peralatan, perkhidmatan atau projek yang sepautunya siap, terbengkalai atau tidak wujud, sekali gus menggagalkan usaha kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

Rasuah boleh menjadi budaya dan mencetuskan rasa tidak puas hati serta hilang kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan.

Pemeriksaan mengejut ke atas pelaksanaan projek wajar dilaksanakan bertepatan dengan konsep turun padang.

Syarikat pembekal atau kontraktor gagal memenuhi syarat kontrak atau sebut harga wajib disenarai hitamkan serta diambil tindakan undang-undang atau beri kepada kontraktor lain.

Sebelum membuat bayaran kepada kontraktor, satu pasukan hendaklah membuat lawatan untuk mengesahkan status perlaksanaan projek.

Meskipun pihak berkuasa memperbaiki sistem dan prosedur berbanding satu dua dekad lalu, isu ketirisan masih mendapat

perhatian, termasuk hasil Laporan Ketua Audit Negara.

Prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan kewangan, terutama dari segi membezakan kuasa budi bicara selalu disalahgunakan perlu diteliti semula. Namun, semua prosedur hendaklah dipatuhi dan tiada pengecualian.

Justeru, ketua jabatan perlu lebih bertanggungjawab, berakauntabiliti dan peka terhadap perlakuan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan.

Memperkenalkan peruntukan 'salah laku penjawat awam' (termasuk ahli politik) ke dalam Akta SPRM 2009 yang mengakibatkan kerugian wang besar ditanggung kerajaan.

Kerajaan boleh merangka undang-undang untuk mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan, pembaziran dana kerajaan dan tiada pengawasan.

Setiap perlaksanaan projek menggunakan sistem kawalan dalaman yang terbaikpun akan menjadi sia-sia jika sekiranya pengendalinya tiada integriti.

Dalam hal ini, kerjasama orang ramai, pegawai awam dan ahli politik penting bagi membolehkan SPRM bertindak efektif.

Jika setiap pegawai awam mempunyai etika kerja, berintegriti dan amanah dalam menjalankan tugas, ketirisan dapat diatasi.

Bongkar dan lapor kegiatan rasuah kepada SPRM demi masa depan negara kerana rasuah adalah ibu segala kejahatan.

Penulis ialah Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Cawangan Malaysia serta Ahli Lembaga Pengarah, IIM.

DILEMA ETIKA, SATU PARADOKS DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERINTEGRITI

Oleh Fison Hamdi Ahmad



Setiap dari kita akan perlu membuat keputusan dalam aktiviti sehari-hari samaada dalam lingkungan kerja, masyarakat ataupun semasa berada di rumah. Merujuk kepada satu kajian yang telah dijalankan oleh *Universiti Cornell, Ithaca New York*, dianggarkan seorang individu dewasa membuat keputusan secara sedar hampir sebanyak 35,000 sehari. Ini merupakan satu jumlah yang agak besar dan sudah pasti ianya merangkumi segala jenis keputusan samaada yang berskala kecil maupun besar. Malah kita juga sedar bahawa setiap keputusan yang dibuat sudah pasti terarah kepada kesan yang baik maupun sebaliknya.

Namun begitu jika kita melihat kepada konteks membuat keputusan secara berintegriti, sudah pasti pelbagai cabaran akan bakal dihadapi oleh individu. Kadangkala situasi sukar menjadi satu cabaran besar dalam membuat sesuatu keputusan yang berintegriti. Seorang pemimpin contohnya perlulah menjadi seorang pembuat keputusan yang baik. Bukan itu sahaja, keputusan yang dibuat perlulah bersifat proaktif dimana refleksi terhadap keputusan itu haruslah didasari dengan akauntabiliti terhadapnya. Paling penting ianya juga perlu berteraskan kepada prinsip moral dan etika. Atau dalam kata lain berpaksikan integriti.

Tetapi persoalan besar yang sering timbul, berapa ramai yang benar-benar meletakkan integriti sebagai asas utama dalam setiap proses membuat keputusan? Tambahan lagi jika seseorang itu berhadapan dengan situasi dilema etika yang mungkin akan menjadi faktor kepada kesilapan dalam membuat

keputusan. Sudah pasti faktor ini akan sedikit sebanyak mengoncang prinsip moral dan etika yang mungkin sudah sekian lama dipegang oleh seseorang individu apatah lagi berhadapan dengan pelbagai reaksi dan persepsi dari orang sekeliling.

Sebelum kita pergi lebih jauh dalam mengupas perkara tersebut, apakah kita mendalami dahulu apa yang dimaksudkan dengan dilema etika. Menurut *Institut Suisse de Police*, dilema etika ditakrifkan sebagai suatu permasalahan yang merujuk kepada alternatif yang bertentangan antara dua sama lain. Pilihan yang menimbulkan dilema etika pula adalah, apabila pilihan atau tindakan yang perlu dipertimbangkan mempunyai kesan yang bertentangan samaada bersifat positif maupun negatif. Manakala menurut *Corporate Finance Institute* pula, dilema etika dikaitkan dengan keadaan paradox dilema atau ketidaktentuan dalam membuat keputusan terutamanya ketika berada dalam keadaan pilihan yang dilihat seakan-akan sama tetapi bertentangan. Ianya sangat berkait rapat dengan prinsip moral dan etika seseorang individu. Dengan kata lain dilema etika ini adalah dimana seseorang individu itu berada dalam keadaan pilihan keputusan yang pelbagai dan kesan terhadap keputusan itu juga bertentangan antara dua sama lain. Secara mudahnya, keputusan yang berasaskan baik atau buruk.

Menghadapi situasi dilema etika dalam proses membuat keputusan bukanlah sesuatu yang mudah. Kadangkala kesilapan boleh berlaku sekiranya keputusan yang dibuat tidak disertai

dengan analisa yang tepat terhadap sesuatu permasalahan. Ditambah pula dengan tiadanya konsep situasi menang-menang apabila berhadapan dengan situasi ini. Mungkin keputusan yang dibuat akan dikritik oleh pihak lain walaupun dengan alasan yang baik. Atau mungkin kesilapan dalam memilih keputusan yang tepat mendaraskan niat jahat buruk bukan sahaja kepada individu tetapi kepada orang sekelilingnya. Lebih teruk lagi jika ianya melibatkan nyawa.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada keadaan dimana seseorang itu gagal dalam membuat keputusan yang tepat semasa berhadapan dengan keadaan dilema etika. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang membuat keputusan yang betul ialah keadaan seseorang yang berada dalam persimpangan antara kesetiaan dan kejujuran, keadilan dan belas kasihan serta banyak lagi. Hal ini selalu berlaku bagi seseorang yang gagal untuk menyatakan kebenaran atau melaporkan tindakan salah individu yang rapat dengannya disebabkan oleh hubungan baik antara kedua-dua pihak. Situasi ini selalu berlaku antara rakan sekerja, majikan dan pekerja serta pertalian keluarga. Lebih parah lagi individu tersebut sanggup untuk menyembunyikan kebenaran hanya atas alasan kesetiaan dalam hubungan yang baik. Kesan daripada itu, sudah pasti kesalahan akan dilindungi dan akan menjadi barah yang makin membesar dalam sesebuah organisasi tidak kira diperingkat mana. Jika hal ini berlaku dalam konteks negara, kita semua pasti

yakin ianya akan mengundang impak yang lebih besar lagi.

Banyak lagi faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan yang beretika dan berintegriti. Ini termasuklah faktor dalaman dan luaran individu tersebut. Namun rata-rata daripada kita memilih jalan selamat untuk membuat keputusan sedangkan kita sedar akan natijah daripada keputusan tersebut. Paling penting untuk disoal adalah sejauh mana pula individu itu sanggup menggalas tanggungjawab dan berakauntabiliti dengan kesan dan akibat daripada keputusan yang diambil. Seperti yang dinyatakan sebelum ini setiap keputusan sama ada beretika atau tidak akan disusuli dengan kesan positif dan negatif. Keber tanggungjawaban terhadap keputusan itu juga penting bagi menunjukkan sejauh mana prinsip individu terhadap keputusan yang telah dibuat.

Jika dilihat dari sudut teori dilema etika, terdapat beberapa teori yang boleh dirujuk bagi memudahkan kita memahami situasi tersebut. Pertama, teori yang paling popular dalam membincangkan persoalan dilema etika ialah Teori *Consequentialism*. Teori ini sangat popular di barat sekitar abad ke-16 dan ke-17. Ramai ahli falsafah yang membincangkan berkaitan dengan teori ini antaranya ialah *Jeremy Betham*, iaitu seorang ahli falsafah perundangan. Dalam teori *Consequentialism*, mereka menyatakan bahawa setiap perbuatan atau keputusan adalah berdasarkan kepada kesan dan akibat yang baik. Malah, perbuatan yang dianggap tidak beretika tetapi memberi kesan yang baik kepada majoriti dianggap sebagai sesuatu yang betul untuk dilakukan. Dalam erti kata lain niat boleh menghalalkan cara asalkan kesannya baik. Teori sangat disokong oleh seorang lagi ahli falsafah barat iaitu *Niccolo' Machiavelli* dalam buku karangannya "The Prince".

Namun begitu teori tersebut disangkal oleh teori *Deontology* iaitu satu lagi teori

yang sangat popular berkaitan dengan dilema etika. Teori ini diperkenalkan oleh *Immanuel Kant* sekitar abad ke-18. Melalui teori ini, dinyatakan bahawa setiap prinsip moral tidak boleh dilanggar walaupun dalam apa keadaan sekalipun. Niat tidak boleh menghalalkan cara serta kesan dan akibat tidak mempengaruhi nilai moral. Hal ini sangat signifikan dengan prinsip pegangan spiritual terutamanya dalam konteks Agama Islam itu sendiri yang menekankan bahawa setiap niat yang baik perlu disusuli dengan tindakan yang betul dan bukan memanipulasikan tindakan demi matlamat. Perkara ini jelas ditegaskan dalam konsep Usul Fiqh iaitu "matlamat tidak menghalalkan cara".

Dalam Surah An-Nisa, ayat 135 telah menjelaskan kepada kita konsep amalan dan tindakan hendaklah selari dengan niat. Niat yang baik hendaklah direalisasikan dengan tindakan yang baik. Tiada kelonggaran untuk melakukan tindakan yang menyalahi peraturan dengan niat yang baik. Niat dan matlamat tidak menghalalkan cara. Sebagai contoh, agama mengharamkan rasuah, penyalahgunaan kuasa, meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan umum dan pelbagai lagi walaupun alasan yang diberikan adalah untuk kebaikan bersama.

Walaupun terdapat banyak teori-teori falsafah yang membincangkan mengenai dilema etika ini namun kita semua harus sedar bahawa penilaian terhadap sesuatu keputusan itu perlulah didasari dan ditunjangi dengan niat dan perlakuan yang baik. Sudah pasti ianya berteraskan prinsip-prinsip moral dan etika atau lebih besar lagi prinsip yang diajarkan oleh agama. Seseorang individu yang mempraktikkan nilai-nilai baik dalam kehidupan sehari-hari sudah pasti memberikan pertimbangan yang baik dalam membuat sesuatu keputusan. Mempunyai sistem kepercayaan yang kuat terhadap nilai-nilai integriti juga akan menjadi panduan untuk individu ikhlas beraksikan kebaikan dalam keputusan.

Sebelum membuat sesuatu keputusan setiap individu harus sedar arah kompas integriti peribadi agar tidak tersalah haluan. Pelbagai teknik atau "tools" yang diperkenalkan untuk membantu seseorang individu membuat keputusan yang betul dan berintegriti. Antaranya ialah seperti 6 *filters* iaitu teknik yang berteraskan soalan-soalan rasionalisasi terhadap situasi. Selain itu, terdapat juga teknik A.C.S.T iaitu lebih bersifat analisis kritis yang merangkumi penilaian kepada 4 perkara iaitu yang pertama ialah alternatif yang ada (*Alternative*). Kedua, kesan yang bakal dihadapi sama ada positif maupun negatif (*Consequences*). Ketiga, siapakah pihak-pihak yang bakal terkesan dengan keputusan tersebut (*Stakeholders*). Terakhir sekali iaitu yang keempat, apakah keputusan terbaik yang boleh dipilih (*Telling*).

Namun, teknik yang lebih penting bagi menghadapi situasi ini adalah bagaimana intuisi diri seseorang individu itu dalam memberi respon kepada setiap dilema yang dihadapi olehnya. Pegangan nilai-nilai integriti perlu kukuh dalam diri seseorang individu agar prinsip moral tidak ketepikan dalam membuat sebarang keputusan. Paling penting terus berpegang kepada niat yang baik disusuli dengan tindakan yang betul akan menghasilkan keputusan yang berintegriti.

Secara kesimpulannya setiap individu haruslah sentiasa berani dalam membuat keputusan yang berintegriti walaupun berdepan dengan keadaan dilema etika. Walaupun kita sedar keputusan yang dibuat mungkin bakal mendatangkan kesan yang tidak memihak kepada kita namun yakinlah bahawa setiap keberanian terhadap kebenaran akan memberi kesan baik kepada semua. Seperti kata Nelson Mandela, "May your choice reflex your hope, not your fear".

Penulis adalah Ketua Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.

AUDIT DALAM DAN PERSPEKTIF “MATA LALAT”?

Oleh Nurul Wahidah Mohammad



Tidak asing lagi nama “AUDIT DALAM” dalam sesebuah organisasi bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia, dimana, seksyen/unit ini adalah antara yang terpenting untuk jaminan masa depan sesebuah organisasi tersebut. Selama bertahun-tahun, audit dalam telah berkembang menjadi aktiviti yang sangat profesional yang menjangkau kepada penilaian kecekapan dan keberkesanan semua aspek operasi organisasi termasuk kewangan dan bukan kewangan.

Audit dalam adalah salah satu fungsi di dalam organisasi tidak kira sektor awam atau swasta yang membantu pihak pengurusan tertinggi dalam mencapai keberkesanan dalam pelbagai bidang seperti pengurusan risiko, kawalan dalaman dan operasi.

Menurut *International Professional Practice Framework* (IPPF) (2017), definisi dan tafsiran **Audit Dalam** adalah suatu aktiviti bebas dan objektif yang memberi jaminan dan rundingan untuk menambah nilai dan meningkatkan operasi organisasi. Ia membantu organisasi mencapai tujuannya dengan membawa pendekatan disiplin yang sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus.

Setelah kita mengetahui dan memahami apa itu audit dalam, jadi apakah perspektif kita tentang seksyen/unit audit ini? Adakah pengauditan dan siasatan yang dijalankan memberi impak positif atau sebaliknya? Adakah seksyen/unit ini ditubuhkan untuk mencari kekhilafan dalam sesebuah organisasi tersebut?

Tidak dinafikan, apabila mendengar sahaja perkataan audit, ramai individu terutamanya yang diaudit berasa tidak selesa dan resah, kenapa? Ramai individu yang diaudit berpendapat bahawa pada

mereka, audit dalam ini hanya mencari kesilapan dan kesalahan mereka terutama terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang mereka sendiri bangunkan dalam sesebuah organisasi.

Perspektif ini terus membina dan mencipta cerita yang menakutkan dalam kalangan pekerja di sesebuah organisasi. Ini kerana perspektif yang telah lama wujud dan timbul dalam kalangan masyarakat pada masa kini menyebabkan audit dalam sering dianggap bertentangan dengan pihak yang diaudit.

Dalam amalan dan skop kerja pengauditan, misi juruaudit bukanlah untuk mencari kekhilafan mahupun kesalahan mana-mana individu dalam organisasi. Pengauditan dijalankan bagi memastikan tanggungjawab individu dalam sesebuah organisasi mematuhi kepada undang-undang dan peraturan serta pematuhan terhadap piawaian perakaunan sedia ada (kewangan), termasuk kesesuaian dan kekuatan sistem kawalan dalaman, serta pembentangan yang adil dan terbuka.

Untuk membuktikannya, juruaudit akan menjalankan proses pengauditan dan pemeriksaan dengan menggunakan beberapa kaedah dan metodologi. Dalam pemeriksaan tersebut, jika terdapat perkara yang perlu ditambah baik dalam proses kawalan dalaman sedia ada organisasi, sudah pasti juruaudit akan memberikan pandangan dan syor agar proses penambahbaikan dapat dilakukan pada masa-masa yang akan datang. Setiap penemuan dan teguran yang dibuat oleh juruaudit, pasti akan disusuli dengan audit susulan untuk memastikan setiap penemuan dan teguran yang dibangkitkan dijalankan proses penambahbaikan.

Untuk melaksanakan sesuatu pengauditan, juruaudit perlu mempunyai sikap “skeptikal” atau “skeptisisme” yang profesional. Juruaudit mesti mempunyai

keinginan untuk mengetahui lebih lanjut terhadap sesuatu proses mengikut skop yang telah dikenal pasti. Sikap ini dibina malah dilatih sebagai sebahagian daripada profesionalisme juruaudit. Sudah tentu sikap ini tidak digunakan secara keterlaluan oleh seseorang juruaudit dalam menjalankan proses pengauditan mereka.

Sikap skeptisisme profesional perlu ada bagi seseorang juruaudit bukan bermakna juruaudit tidak mempercayai terhadap maklumat dan kenyataan yang diberikan oleh pihak yang diaudit, akan tetapi pembuktian dan kebenaran adalah amat penting sebelum maklumat dan kenyataan yang diberikan diterima pakai oleh juruaudit dalam proses yang dijalankan. Seterusnya, juruaudit juga mampu menghasilkan kualiti audit yang baik dan boleh dipercayai bagi memberikan nilai tambah kepada organisasi terutama kepada pihak pengurusan tertinggi.

Bak kata pepatah, “tiada gading yang tidak retak”, juruaudit dan pihak yang diaudit hendaklah saling menilai dan berlapang dada bagi memastikan proses penambahbaikan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Perspektif terhadap audit untuk mencari kesalahan dan kekhilafan individu mesti dialih keluar daripada pemikiran kita terutama pada zaman teknologi dan moden ini.

Secara kesimpulannya, juruaudit dan pihak yang diaudit sebenarnya adalah dua tokoh atau individu yang boleh saling menguntungkan organisasi. Kita seharusnya perlu bersama dalam mewujudkan persekitaran yang sihat terhadap sesebuah organisasi dalam mendepani cabaran yang kian mencabar pada masa kini. “Ayuh kita bersama mengikis perspektif ini”.

Penulis adalah Pegawai Seksyen Audit Dalam dan Governans, IIIM

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT IIM

12 OGOS 2022



YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat IIM pada 12 Ogos 2022 bertempat di Lobi IIM.

Dalam majlis tersebut, beliau telah menzahirkan harapan agar sambutan tahun ini dapat menjadi iltizam kepada warga IIM

untuk menghayati serta menyemai konsep keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran sejajar dengan tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”.

Antara tarikan sempena pelancaran ini adalah persembahan silat oleh pegawai IIM, nyanyian lagu patriotik serta dimeriahkan dengan aktiviti senamrobi bersama semua warga IIM.

PERBARISAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) BAGI PERARAKAN DAN PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65

12 OGOS 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) turut terlibat dalam kontinjen perbarisan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Perarakan dan Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 yang diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 2022.

Sambutan pada tahun ini cukup meriah dengan melibatkan penyertaan terbesar iaitu seramai 18,000 peserta membabitkan pelbagai kontinjen perbarisan antaranya daripada 27 kementerian dan pelbagai badan korporat dalam negara.

Semoga setiap ahli #KeluargaMalaysia yang berbilang bangsa dan kaum bersatu hati menyemarakkan Bulan Kebangsaan, menzhahirkan semangat patriotisme serta bangga menjadi rakyat Malaysia.



MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-18 (MAPPA XVIII) BERTEMAKAN “PENJAWAT AWAM TONGGAK ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA”

30 OGOS 2022



YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, IIM bersama 50 orang pegawai IIM telah menghadiri Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18 (MAPPA XVIII) bertemakan “Penjawat Awam Tonggak Aspirasi Keluarga Malaysia” di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan juga secara maya pada 30 Ogos 2022.

Pada perhimpunan ini, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat

beliau kepada seluruh anggota perkhidmatan awam. Antaranya beliau mengumumkan enam (6) inisiatif baharu sebagai penghargaan Kerajaan terhadap pengorbanan penjawat awam yang sentiasa memastikan jentera kerajaan bergerak dengan berkesan, melaksanakan dasar dan menjayakan setiap aspirasi kerajaan.

Inisiatif ini juga diharap mampu menyuntik semangat buat seluruh penjawat awam untuk meningkatkan aspek penyampaian

perkhidmatan serta memberikan komitmen yang jitu dalam memastikan kesejahteraan negara berteraskan prinsip kebersamaan, keterangkuman serta kesyukuran.

Turut hadir YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Pengurus IIM dan YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah IIM.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB)

3 JULAI 2022

Majlis Pelancaran Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building* (CIB) yang berlangsung pada 3 Julai 2022, telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak serta disaksikan oleh YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Lawas, YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman) dan YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM).

IIM kini sedang bekerjasama dengan Kerajaan Premier Sarawak dalam membina dan membangunkan pelbagai instrumen dan kaedah bersesuaian ke arah mewujudkan budaya tadbir urus yang baik, berintegriti tinggi dan antirasuah. Di antara instrumen dan sistem yang telah diadaptasi oleh beberapa agensi di Sarawak adalah



Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Program Latihan Integriti dan Etika (E&I) dan yang terbaru adalah Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB).

Program rintis yang dibangunkan oleh IIM bersama pihak Unit Integriti dan

Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Premier Sarawak merupakan sebuah mekanisme pendekatan holistik yang berteraskan kepada konteks tempatan dalam membantu mengenal pasti kaedah penyelesaian bersesuaian bagi meningkatkan pembudayaan dan amalan integriti dalam penyampaian infrastruktur dan perkhidmatan awam, khususnya yang melibatkan pihak Berkusa Tempatan (PBT); Pembekal Perkhidmatan; dan Komuniti Tempatan.

Program ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan pelaksanaan Program CIB 1.0 pada tahun 2016 yang telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah negeri yang melibatkan PBT iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT).

Pelancaran program CIB kali ini yang bermula di negeri Sarawak dilihat berupaya memberi impak positif





kepada komuniti setempat khususnya dalam memperkuatkannya kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memperkasakan sistem pemantauan yang lebih inklusif dalam aspek integriti dan tadbir urus dalam komuniti.

Program ini akan dilaksanakan mulai bulan Julai 2022 bersama dengan pihak UNION, Jabatan Premier Sarawak di mana gerak kerja pelaksanaannya akan bermula di empat (4) residensi terpilih di Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu-Daro (MDMD). Kejayaan program rintis ini seterusnya diharap akan dapat

diteruskan dan diperkembangkan kepada kawasan-kawasan PBT lain di seluruh Malaysia.

Sejurus selepas selesaiannya Majlis Pelancaran Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building* (CIB) yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak di Dewan Masyarakat Sundar, Lawas pada pagi ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan sesi taklimat susulan mengenai pelaksanaan program tersebut kepada semua pihak berkepentingan pada sebelah petang bertempat di Lawas, Sarawak.

Selain taklimat CIB yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Hamiye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan IIM, sesi ini turut disertakan dengan sesi soal jawab dan dialog antara para peserta dengan YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM.

Seramai 11 orang wakil dari empat (4) residensi terpilih di Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu-Daro (MDMD) telah menghadiri sesi ini.



PROGRAM RINTIS PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI ATAU *COMMUNITY INTEGRITY BUILDING (CIB)* PERINGKAT RESIDENSI SIBU

26-28 JULAI 2022

Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building (CIB)* Peringkat Residensi Sibu telah pun dilancarkan baru-baru ini dengan sesi taklimat dan rangka gerak kerja bersama antara pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Premier Sarawak pada 26-28 Julai 2022 di Sibu, Sarawak.



Sesi taklimat tersebut diadakan sempena Program Jelajah Integriti Kerajaan Negeri Sarawak dan ianya bertujuan untuk memberi ruang bagi pihak IIM dan UNION untuk membincangkan mengenai pelaksanaan dan pelaporan dashboard program CIB dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Seramai 500 orang peserta terdiri daripada Ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

(JKKK), Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) bersama Ahli daripada 10 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bahagian Sibu dan Sarikei telah menghadiri sesi taklimat tersebut.

Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri UNION, bersama YBrs Tn Hj. Adana Hj. Jed, Pengarah UNION dan disertai oleh En. Wong Hee Sieng, Residen Bahagian Sibu.

Pihak IIM telah diwakili oleh YBrs. Tn. Hj. Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan IIM selaku Ketua Projek CIB.

Turut serta, Tuan Clarence Ting Ing Horh, Pengurus Majlis Perbandaran Sibu, Tuan Yong Ing Chu, Pemangku Setiausaha Perbandaran, dan Puan Rokiah Sahat, Pengarah Audit Negeri.

Program Rintis CIB 2.0 telah dilancarkan pada 3 Julai 2022 di Lawas, Sarawak oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak dan akan meliputi empat Residensi iaitu Kuching Utara, Sibu, Limbang dan Mato Daro.

PERBINCANGAN MENGENAI PELAKSANAAN PROJEK RINTIS CIB DI KUCHING UTARA, SARAWAK

11 OGOS 2022

Pasukan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB), Institut Integriti Malaysia (IIM) yang

diketuai oleh Tuan Haji Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan (Operasi), IIM telah mengadakan perbincangan bersama YBhg. Datu Haji Junaidi Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara (DBKU) pada 11 Ogos 2022.

Perbincangan yang dihadiri oleh pihak UNIONS di wakili oleh Tuan Shamsul Bojeng (KPP) ini berfokus kepada persediaan pelaksanaan Projek Rintis CIB di Kuching Utara, Sarawak. DBKU merupakan salah satu daripada empat (4) Residensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak yang terpilih untuk program ini.

Sejurus selesai perbincangan, Pasukan CIB IIM seterusnya telah mengadakan lawatan tapak kepada ketiga-tiga lokasi Program CIB di DBKU iaitu di Taman Sukma, Taman Samariang dan Sungai Maong. Ketiga-tiga lokasi ini akan dibantu oleh barisan Jawatankuasa Khas CIB yang dilantik oleh pihak DBKU terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Kejiranan Mesra (KJM) di ketiga-tiga kawasan tersebut.



SIRI KE-2 SESI LATIHAN BENGKEL *TRAINING OF TRAINER* (TOT) BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB)

10 OGOS 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah selesai mengadakan Siri ke-2 Sesi Latihan Bengkel *Training of Trainer* (TOT) bagi Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) di Majlis Daerah Limbang (MDL) pada 10 Ogos 2022.

Bengkel ini telah melibatkan pegawai-pegawai awam yang dilantik oleh MDL iaitu dari Bahagian Kesihatan Awam, Kejuruteraan, Penguatkuasaan, Perlesenan, Ahli Jawatankuasa Khas CIB (Pemantau) dari tiga (3) kawasan KRT terpilih serta kontraktor yang dilantik di bawah seliaan MDL terutamanya dalam pengurusan kutipan sampah, pembersihan longkang, parit dan jalan serta pemotongan rumput.

Sesi ini telah dirasmikan oleh Setiausaha MDL, YBrs. Tuan Petrick Linggie Anak Taboh dan wakil Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak, Jabatan Premier Sarawak (UNIONS), En. Roni Ah Hin.



Selain itu, Pengerusi KRT, Pegawai Penguatkuasa MDL dan Ahli Jawatankuasa Khas CIB juga telah mengadakan sesi temuramah bagi mengetahui respon peserta terhadap pelaksanaan Program CIB di MDL.

Bengkel ini difasilitasikan oleh Pengurus Besar Kanan (Operasi) IIM, Tn Hj Hamilye Sham Harun dan dibantu oleh konsultan IIM, En Meor Shahram Faiz.

SIRI KE-4 SESI LATIHAN BENGKEL *TRAINING OF TRAINER* (TOT) CIB

16-17 OGOS 2022



Pasukan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB), Institut Integriti Malaysia (IIM) telah selesai mengadakan siri ke-4 Sesi Latihan Bengkel *Training of Trainer* (TOT) dan sesi lawatan tapak ke Majlis Daerah Matu Dan Daro (MDMD) pada 16 - 17 Ogos 2022.

Lawatan tapak yang melibat 3 kawasan di Kampung Tian, Kampung Kuala Matu Hilir dan Pasar dan Medan Selera Matu telah diiringi oleh Pegawai Seksyen Komuniti; Kesihatan Awam; Penguatkuasaan; dan Pengerusi KRT

bagi tiga (3) kawasan yang terlibat.

Manakala, Bengkel TOT telah dihadiri oleh pegawai-pegawai awam yang dilantik oleh MDMD iaitu dari Sekyen Kejuruteraan; Seksyen Khidmat Pengurusan; Seksyen Kesihatan; dan Seksyen Penguatkuasa serta Ahli Jawatankuasa Khas CIB (Pemantau) dari tiga (3) kawasan KRT terpilih serta kontraktor yang dilantik di bawah seliaan MDMD terutamanya dalam skop kerja pengurusan kutipan sampah dan pemotongan rumput.

Sesi penutupan bengkel TOT telah disempurnakan oleh Setiausaha MDMD, Tn Ahmad Jerry Bin Hj Hashim dan wakil Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak, Jabatan Premier Sarawak (UNIONS), En. Shamsul Bin Bojeng (KPP), Seksyen Integriti, UNIONS).

Bengkel ini telah difasilitasikan oleh Pengurus Besar Kanan (Operasi) IIM, Tn Hj Hamilye

Sham Harun dan dibantu oleh konsultan IIM, En Meor Shahram Faiz.

Pasukan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB), Institut Integriti Malaysia (IIM) yang diketuai oleh Tuan Haji Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan (Operasi), IIM telah mengadakan perbincangan bersama YBhg. Datu Haji Junaidi Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara (DBKU) pada 11 Ogos 2022.

Perbincangan yang dihadiri oleh pihak UNIONS di wakili oleh Tuan Shamsul Bojeng (KPP) ini berfokus kepada persediaan pelaksanaan Projek Rintis CIB di Kuching Utara, Sarawak. DBKU merupakan salah satu daripada empat (4) Residensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak yang terpilih untuk program ini.

Sejurus selesai perbincangan, Pasukan CIB IIM seterusnya telah mengadakan lawatan tapak kepada ketiga-tiga lokasi Program CIB di DBKU iaitu di Taman Sukma, Taman Samariang dan Sungai Maong. Ketiga-tiga lokasi ini akan dibantu oleh barisan Jawatankuasa Khas CIB yang dilantik oleh pihak DBKU terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Kejiranran Mesra (KJM) di ketiga-tiga kawasan tersebut.

MAJLIS PELANCARAN MODUL INTEGRITI PENGUAT KUASA (MIP)

30 JUNE 2022



Majlis Pelancaran Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) yang berlangsung pada 30 Jun 2022 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkup Ahli Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM).

Teras pembangunan MIP adalah untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pembudayaan pegawai penguat kuasa di negara ini mengenai pemantapan penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni integriti dan tadbir urus yang baik dalam jentera pentadbiran Kerajaan.





Menurut YBhg Dato' Sri Mohd Shafiq, MIP yang diusahakan dan dibangunkan oleh IIM ini dapat menjadi nilai tambah bagi membantu membudayakan integriti dalam kalangan pegawai penguasa kuasa di negara ini. Seterusnya, dapat memperkasakan lagi landskap ekosistem integriti negara yang kini sedang dimantapkan oleh kerajaan dengan lebih jayanya.

Hadir sama ke majlis ini adalah YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim dan YBhg. Dato' Sri Akhbar bin Abdul Sata @ Satar yang merupakan ahli-ahli Lembaga Pengarah IIM. Turut hadir, YBhg Datuk Seri Norazlan Mohd. Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seramai lebih 100 peserta yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan dan agensi di sektor awam dan swasta juga turut hadir ke majlis pelancaran tersebut.

MAJLIS PELANCARAN MODUL KURSUS KOMPREHENSIF SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA (CISM)

14 SEPTEMBER 2022



Majlis Pelancaran Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia atau Corporate Integrity System Malaysia (CISM) yang diadakan 14 September 2022 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Akhbar Satar, Ahli Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM) serta dihadiri oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, IIM dan YBrs. PKPj Kamarulzaman Ahmad, wakil dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pembangunan Modul ini melibatkan IIM bersama-sama Ahli Meja Bulat CISM yang lain iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Transparency International Malaysia (TI-M) bertujuan membantu dan membimbing pelbagai agensi terutamanya Perusahaan

Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam melaksanakan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi masing-masing, selaras dengan visi CISM untuk mewujudkan komuniti perniagaan di Malaysia yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah. Modul ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan pematuhan kepada Liabiliti Korporat, Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Modul Kursus Komprehensif ini merangkumi tujuh inisiatif utama CISM meliputi kepimpinan, kod etika, polisi pencegahan rasuah, pengurusan risiko rasuah, latihan dan komunikasi, penilaian prestasi serta pelaporan pencegahan rasuah. Tujuh inisiatif ini menyentuh aspek peranan pengurusan atasan, polisi-polisi yang perlu dibangunkan, asas pembangunan risiko dan penilaian risiko rasuah, penerangan mengenai undang-undang yang berkaitan termasuklah

pelaksanaan insiatif penilaian dan inisiatif pelaporan pencegahan rasuah yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah organisasi/syarikat, sebagai alternatif persediaan pembelaan syarikat korporat daripada dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 tersebut.

Pada majlis tersebut turut diadakan Majlis Penyerahan Sijil Penyertaan kepada 10 syarikat yang telah berjaya melengkapkan kesemua inisiatif CISM. Antara yang terlibat termasuklah Indah Water Konsortium Sdn Bhd; AIA Shared Services Sdn Bhd; Malaysia Debt Ventures Berhad; Steel Hawk Engineering Sdn Bhd; MBSB Bank Berhad; Sendi Mahir Sdn Bhd; Malaysia Building Society Berhad; FWD Takaful Berhad; Tech Food Ingredients Sdn Bhd; dan Sime Darby Plantation Berhad. Maklumat lanjut berkaitan modul ini boleh diakses menerusi laman sesawang www.integriti.my.

MESYUARAT MEJA BULAT SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA (CISM) BIL. 2/2022

6 JULAI 2022

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mempengerusikan Mesyuarat Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) Bil. 2/2022, bertempat di IIM pada 6 Julai 2022.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua Ahli Mesyuarat Meja Bulat CISM yang terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bursa Malaysia Berhad (BURSA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Transparency International Malaysia (TI-M).

Mesyuarat kali ini menjurus kepada status pembangunan Modul Kursus Komprehensif CISM. Modul ini telah dilancarkan pada 14 September 2022 untuk memberi pendedahan dan mengalakkan tadbir urus baik dikalangan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan Bengkel “*Training The Trainers (TTT)*” bagi Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) pada 28 dan 29 Julai 2022.

Seramai 27 orang peserta telah hadir pada bengkel ini yang terdiri daripada Ahli-ahli Mesyuarat RTD-CISM iaitu wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bursa Malaysia Berhad dan pegawai-pegawai IIM.

Sesi pengajaran dan perkongsian telah dilaksanakan oleh pegawai IIM dan SPM dalam meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai sebelum pelancaran dan pelaksanaan CISM ini kelak kepada sektor swasta terutama PKS pada penghujung bulan Ogos 2022.

BENGKEL “TRAINING THE TRAINERS (TTT)” CISM 28-29 JULAI 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan Bengkel “*Training The Trainers (TTT)*” bagi Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) pada 28 dan 29 Julai 2022.

Seramai 27 orang peserta telah hadir pada bengkel ini yang terdiri daripada Ahli-ahli Mesyuarat RTD-CISM iaitu wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bursa Malaysia Berhad dan pegawai-pegawai IIM.

Sesi pengajaran dan perkongsian telah dilaksanakan oleh pegawai IIM dan SPM dalam meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai sebelum pelancaran dan pelaksanaan

CISM ini kelak kepada sektor swasta terutama PKS pada penghujung bulan Ogos 2022.



MESYUARAT KOORDINASI BERSAMA AGENSI-AGENSI DI BAWAH PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI-RASUAH NASIONAL (GIACC) BIL. 1/2022

23 OGOS 2022



Mesyuarat Koordinasi bersama Agensi-agensi di bawah Pusat Governans, Integriti & Anti-Rasuah Nasional (GIACC) Bil. 1/2022 yang dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) GIACC telah diadakan di Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 23 Ogos 2022.

Ahli mesyuarat terdiri daripada pegawai khidmat pengurusan GIACC, IIM, Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Pengukuasaan (EAIC).

IIM telah diwakili oleh En. Mas Affendi Masarudin, Pengurus Besar Khidmat

Korporat IIM (memangku); Pn. Norliana Ali Akbar, Ketua Seksyen Kewangan dan Akaun; dan Pn. Judlifah Mohd Jamil, Ketua Seksyen Pengurusan Sumber Manusia.

Sejurus selepas Mesyuarat Koordinasi tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg Datuk Wan Suraya dan TKP GIACC, YBrs Pn Farah Adura turut mengadakan perbincangan hala tuju baharu IIM dalam usaha memantapkan lagi komitmen merealisasikan matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dengan lebih jayanya.



MAJLIS INDUKSI DAN SUAI KENAL BERSAMA 15 ORANG PEGAWAI KOORDINATOR PROJEK (MYSTEP)

2 OGOS 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Induksi dan Suai Kenal bersama 15 orang pegawai Koordinator Projek (MySTEP) baharu pada 2 Ogos 2022, bertempat di Dewan Murni, Menara IIM.

Program MySTEP ini merupakan program kerjasama di antara IIM dan Khazanah Nasional. Tempoh program adalah selama enam (6) bulan bermula daripada bulan Julai 2022 sehingga akhir Disember 2022.

Pemilihan pegawai terdiri daripada graduan universiti swasta atau awam

dari pelbagai bidang pengajian antaranya bidang Penguatkuasaan Undang-Undang, Pentadbiran Perniagaan Sains Sukan, Pengurusan Teknologi dan pelbagai lagi.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN OGOS 2022

26 OGOS 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan

Bulanan bagi bulan Ogos 2022 bertemakan Sambutan Bulan Kemerdekaan di Auditorium, Menara IIM pada 26 Ogos 2022.

Pada perhimpunan kali ini, beliau telah berkongsi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan IIM sepanjang bulan Ogos 2022 antaranya kejayaan menjalankan kerjasama strategik bersama UKM untuk membangunkan Program Sijil Profesional Kepimpinan Integriti (SPKI) dan inisiatif membantu pihak AEON Co. untuk membangunkan serta menerapkan elemen integriti di dalam Agenda Kelestarian AEON.

Datuk KPE turut mengingatkan warga IIM

untuk sentiasa berintegriti dan berhemah dalam membuat pernyataan awam di laman sosial serta pergiat memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di peringkat pengurusan IIM. Datuk KPE juga menyeru warga IIM untuk mengamalkan prinsip kepentingan “whiter than white” dalam soal integriti, tidak bekerja secara silo serta mengurangkan karenah birokrasi seperti disarankan oleh YAB Perdana Menteri.

Majlis perhimpunan kali ini juga dimeriahkan dengan Pertandingan Pakaian Bertemakan Hari Kemerdekaan: Tahun 1957 anjuran Perpustakaan Integriti IIM. Selain itu, seluruh warga kerja turut membaca Ikrar Integriti Korporat IIM sebagai tanda komitmen dalam melaksanakan tugas dengan penuh integriti.



MAJLIS MEMETERAI KONTRAK INSTRUMEN PENILAIAN *INDIVIDUAL INTEGRITY PROFILE (IIP)*

10 OGOS 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Global Psytech Sdn Bhd telah memeterai Kontrak Instrumen Penilaian *Individual Integrity Profile (IIP)* pada 10 Ogos 2022 bertempat di Dewan Murni, IIM.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan YBrs. Dr. Haniza Yon, Ketua Pegawai Eksekutif Global Psytech Sdn Bhd dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua pihak.

Dengan pemeterian perjanjian kontrak ini, IIM dengan bantuan Global Psytech akan menawarkan platform penilaian psikometrik dalam talian yang eksklusif dan ditambahbaik untuk mengukur kecenderungan tingkah laku berintegriti dan pengalaman



seseorang individu berkaitan dengan kebolehpercayaan, sikap, kebergantungan, etika kerja dan personaliti individu.

Produk IIP yang dibangunkan oleh IIM sejak 2018 ini telah berjaya membantu kakitangan awam dan swasta dalam proses pengambilan, kenaikan pangkat, pengukuhan budaya integriti dan tapisan integriti yang dilaksanakan.

Global Psytech merupakan syarikat tempatan yang telah berjaya menjadi pembekal global bagi penyelesaian teknologi penilaian dalam pelbagai industri.

PROSES PENILAIAN ANUGERAH INTEGRITI GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA)


25 JULAI - 29 SEPTEMBER 2022

Proses penilaian Anugerah Integriti Governans dan Antirasauh (AIGA) yang telah dilancarkan pada 17 Mei 2022 telahpun bermula pada 25 Julai 2022 dan dijangka selesai pada 29 Sept 2022.

Ianya melibatkan penyertaan sebanyak 116 agensi-agensi awam dan swasta termasuk NGO daripada pelbagai industri dan sektor.

AIGA 2022 peringkat kebangsaan ini yang julung-julung kali diadakan merupakan satu-satunya anugerah kepada agensi-agensi awam dan swasta Malaysia bagi mengiktiraf usaha dan komitmen mereka dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif anti-rasauh.

Penilaian AIGA melibatkan aspek penilaian dari segi pembuktian dokumentasi dan implementasi di agensi-agensi yang dinilai menggunakan rujukan kepada standard ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System, ISO 37000:2021 Governance of Organization, Malaysia Code of Corporate Governance (MCCG), Garis Panduan Tatacara Mencukupi dan Enterprise Risk Management.



PERHIMPUNAN BULANAN WARGA JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

16 OGOS 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menghadiri Perhimpunan Bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama YAB Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, Putrajaya pada 16 Ogos 2022.

Pada perjumpaan tersebut yang julung kali diadakan selepas Negara memasuki fasa Endemik, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat beliau kepada seluruh warga JPM. Antara lain, beliau menekankan pentingnya agar para penjawat awam menyegerakan segala perancangan dan bekerja sebagai sebuah keluarga besar supaya setiap penyampaian perkhidmatan kepada Keluarga Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan pantas.

Perhimpunan ini turut dihadiri barisan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri di bawah JPM termasuk Menteri



di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), YBhg Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar; YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN); YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan barisan pengurusan atasan serta pegawai Pentadbiran Am, JPM, termasuk wakil-wakil penjawat awam daripada setiap jabatan/agensi di bawah JPM.


MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH IIM BIL. 3 TAHUN 2022

13 SEPTEMBER 2022

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 3 Tahun 2022 telah berlangsung pada 13 September 2022. Mesyuarat yang diadakan secara maya itu telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM.

Ahli Lembaga Pengarah lain yang hadir termasuklah YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, YBhg. Dato' Sri Akbar Abdul Satar dan Encik Mohd Salihin Othman.

Turut hadir adalah YBhg Datuk Wan Suraya, KPE IIM dan Puan Norliana Ali Akbar, Setiausaha Syarikat IIM.



Antara lain, Mesyuarat telah membincangkan penilaian semula hala tuju IIM yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR), semakan setengah tahun pelan perniagaan IIM tahun 2022 serta sambutan Bulan Integriti Nasional 2022 (November 2022).

BENGKEL ASAS TATACARA MENCUKUPI DAN PRINSIP T.R.U.S.T BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

25 OGOS 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan Bengkel Asas Tatacara Mencukupi dan Prinsip T.R.U.S.T Bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) pada 25 Ogos 2022 bertempat di Bilik Etika IIM.

Antara pengisian sepanjang satu hari bengkel berlangsung termasuklah pengenalan kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009; pengenalan kepada Garis Panduan Tatacara Mencukupi dan Prinsip T.R.U.S.T bagi PMKS; dan sesi amali berkenaan Pembangunan Polisi Antirasuah bagi PMKS.

Bengkel ini telah dihadiri oleh PMKS



mewakili Unit Peneraju Bumiputera (TERAJU) dan Agenda Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Bengkel ini merupakan inisiatif baharu IIM untuk membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah terutamanya dalam kalangan PMKS

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM KERJASAMA (MOC) ANTARA IIM DENGAN AEON CO. (M) BHD.

24 OGOS 2022

YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) telah hadir ke Majlis Pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) antara IIM dengan AEON Co. (M) Bhd. pada 24 Ogos 2022 bertempat di AEON Big Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Melalui jalinan kerjasama strategik ini, IIM akan membantu pihak AEON Co. untuk membangunkan serta menerapkan elemen integriti di dalam Agenda Kelestarian AEON.

Dalam majlis yang sama AEON juga telah mengadakan pertukaran MOC dengan pihak Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan Yinson Green Technologies (M) Sdn. Bhd.

Tahniah diucapkan kepada AEON Co. (M) Bhd. atas inisiatif pertama seumpamanya dalam sektor peruncitan negara.



**SENARAI PROGRAM SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI (SPI)
JULAI - SEPTEMBER 2022**

JULAI 2022

No.	Program	Tarikh	Tempat
1	Taklimat Penilaian Risiko Rasuah (CRA) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	1 Julai	Ibu pejabat NAFAS, Kota Damansara, Petaling Jaya.
2	Sesi 1 Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) NAFAS	4-7 Julai	Ibu pejabat NAFAS, Kota Damansara, Petaling Jaya.
3	Bengkel Pemurniaan CRA OACP Malaysia Timber Council (MTC)	14-15 Julai	Menara PGRM, Cheras, Kuala Lumpur
4	Bengkel Pemurniaan CRA OACP Majlis Bandaraya Seremban (MBS)	14-15 Julai	Marco Polo Hall 2, Hatten Hotel, Melaka
5	Bengkel Pemurnian Penilaian Risiko Rasuah & Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi Kumpulan Syarikat KDHSB	19-20 Julai	Ibu Pejabat Kejora Delevopment Holdings Sdn Bhd
6	Bengkel Perancangan Senario Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	18-20 Julai	Jasmine 6, Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu
7	ABMS Internal Audit training and On-Site Auditing (Mock Audit)	26-27 Julai	Emaskang Sdn Bhd
8	Bengkel ABMS Penilaian Risiko Rasuah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	26-28 Julai	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
9	Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (Siri 2) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	25-28 Julai	Ibu pejabat NAFAS, Kota Damansara, Petaling Jaya.

OGOS 2022

No.	Program	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (Siri 3) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	1-4 Ogos	Ibu pejabat NAFAS, Kota Damansara, Petaling Jaya.
2	Bengkel Taklimat CRA OACP Yayasan Melaka	1-2 Ogos	Thistle Resort Port Dickson, Negeri Sembilan
3	Bengkel Data Analisis dan CRA Yayasan Melaka	8-10 Ogos	Ibu Pejabat Yayasan Melaka
4	Taklimat OACP-CRA Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor	11 Ogos	Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor
5	Majlis Pelancaran Buku Pelan Antirasuah Lembaga Getah Malaysia (LGM)	16 Ogos	Lembaga Getah Malaysia (LGM)
6	Management Review Training Emaskang Sdn. Bhd.	15-16 Ogos	Emaskang Sdn Bhd, Shah Alam
7	Bengkel Pembangunan Dokumentasi ABMS Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	16-18 Ogos	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
8	Taklimat OACP Tenaga Nasional Berhad	19 Ogos	Pullman Hotel, Bangsar
9	Taklimat CRA-OACP Lembaga Kenaf & Tembakau Negeri (LKTN)	9 & 22 Ogos	LKTN, Kubang Kerian Kelantan
10	Bengkel Analisa data dan Penilaian Risiko Rasuah bagi Pembangunan CRA OACP LKTN	23-25 Ogos	LKTN, Kubang Kerian Kelantan
11	Bengkel Analisa Data dan Penilaian Risiko Rasuah Tenaga Nasional Berhad (TNB)	26 Ogos	Pullman Hotel, Bangsar
12	Sesi Taklimat Produk & Taklimat Urus Setia Instrumen Individual Integrity Profile (IIP) Cradle Fund Berhad	30 Ogos	Virtual/ Online

SEPTEMBER 2022

No.	Program	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Pelan Tindakan dan Pemurnian Awal Yayasan Melaka	1-3 September	Lotus Desaru, Johor.
2	Taklimat Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 (ABMS) Majlis Bandaraya Miri	5 September	Virtual/ Online
3	Ceramah bagi Pematuhan Seksyen 17A Akta 694 (Ministrial Guidelines) Tatacara Mencukupi anjuran Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)	6 September	Bangunan ITITC Kampus ILKAP, Bandar Baru Bangi, Selangor.
4	Lawatan Penanda Aras daripada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif & Seni Persembahan Sarawak dari Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif & Seni Persembahan Sarawak	9 September	Bilik Bijaksana, Aras 2, IIM
5	Bengkel Analisa Data dan Penilaian Risiko Rasuah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ)	5-6 September	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, Jalan Abu Bakar, Johor Bahru
6	Bengkel Pemurnian OACP Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT)	12-13 September	Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu
7	Bengkel Rancangan Tindakan (CRA OACP) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	13-14 September	
8	Sesi Perbincangan Awal bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM)CRA OACP (hibrid)	15 September	Bilik Mesyuarat Integriti, Seri Negeri Melaka
9	Pembangunan dan Pelaksanaan OACP Jabatan Warisan Negara	19 & 20 September	Dewan Tun Rahah, Memorial Tunku Abd Razak
10	Bengkel Pemurnian OACP Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)	20-21 September	Raia Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu
11	Sesi semakan dan konsultansi berkenaan deraf OACP Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	21 September	Bilik Etika, Aras 2, IIM
12	Taklimat Pembangunan Konteks & Kesedaran CRA OACP Yayasan Perak	20 September	Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh, Perak

GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT DARI PERSATUAN PENGAMAL SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH MALAYSIA (ABMS-MY)

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat dari Persatuan Pengamal Sistem Pengurusan Anti-rasuah Malaysia (ABMS-MY) pada 15 Julai 2022. Delegasi ABMS-MY diketuai oleh YBhg. Datuk Fadilah Baharin (Penasihat ABMS-MY). Turut hadir ialah Dr. KM Loi (Presiden ABMS-MY), Pn. Fauziah Sulaiman (Timbalan Presiden ABMS-MY) dan En. Balbeer Singh (EXCO ABMS-MY).



Tujuan utama kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk membina hubungan strategik, serta membincangkan cadangan kerjasama yang boleh dijalankan antara ABMS-MY dengan IIM dalam meningkatkan integriti dan governans negara .

Kerjasama dengan rakan pemegang taruh seperti ABMS-MY amat penting bagi IIM khususnya dalam memperkuuhkan ekosistem integriti nasional.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHGS. TAN SRI ABDUL WAHID OMAR, PENGERUSI BURSA MALAYSIA BERHAD

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM), YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengurus BURSA Malaysia Berhad pada 21 Julai 2022.



Perbincangan yang diadakan antara lain menjurus kepada kerjasama strategik serta program integriti dan tadbir urus yang melibatkan BURSA sebagai Rakan Strategik IIM. Ini termasuk pembangunan dan pelaksanaan Modul Latihan 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi kepada pihak-pihak berkepentingan.

Datuk Wan Suraya juga telah berkongsi beberapa inisiatif baharu IIM dalam memperkasakan agenda integriti dalam kalangan sektor awam dan swasta termasuk IKS.

GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT



KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT YBRS DCP DATO' FADZIL BIN AHMAD, TIMBALAN PENGARAH, JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD (JIPS), POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat YBrs DCP Dato' Fadzil Bin Ahmad, Timbalan Pengarah, Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertempat di Bukit Aman, Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2022.

Kunjungan hormat ini susulan perancangan pelaksanaan program Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) yang dibangunkan oleh IIM kepada anggota PDRM. Program MIP ini telah dilancarkan pada 30 Jun 2022 oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Ahli Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM). MIP merupakan modul latihan yang dibangunkan khusus kepada agensi-agensi yang menjalankan fungsi penguatkuasaan.

IIM telah diwakili oleh Tn. Hj. Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan (Operasi), En. Harisham bin Ibrahim, Ketua Seksyen Risiko dan Pematuhan serta En. Meor Shahram Faiz bin Meor Shariman, Konsultan IIM.

KUNJUNGAN HORMAT DARI YBRS. ENCIK MOHD SALIHIN OTHMAN, AHLI LEMBAGA PENGARAH IIM

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat dari YBrs. Encik Mohd Salihin Othman pada 3 Ogos 2022.

Encik Mohd Salihin yang baharu dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah IIM pada 4 Julai 2022 merupakan Pegawai Perhubungan Sektor Awam, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kewangan dan audit.

KPE telah membincangkan status terkini pelbagai aktiviti dan program IIM serta beberapa perancangan hala tuju baharu IIM.

Manakala Encik Mohd Salihin telah menzahirkan komitmen beliau untuk sama-sama membantu pasukan pengurusan tinggi dalam memantapkan fungsi dan peranan IIM sebagai peneraju utama agenda integriti dan tadbir urus negara.



GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT DARI YBRS. PROF MADYA DR. MUHAMMAD HAKIMI MOHD SHAFIAI, TIMBALAN DEKAN (JARINGAN DAN ALUMNI), FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi , Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat dari YBrs. Prof Madya Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafai, Timbalan Dekan (Jaringan dan Alumni), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 4 Ogos 2022.



terbaik. Ianya dijangka akan dilancarkan pada bulan November 2022 dan bakal ditawarkan bagi kohort pertama pada awal 2023.

Selain itu, kedua-dua pihak juga mencapai persetujuan untuk meluaskan lagi bentuk kerjasama antara IIM dan UKM bukan sahaja dalam bidang pendidikan malah merangkumi bidang penyelidikan, penerbitan dan juga penyertaan bersama dalam program-program IIM dan UKM.

Turut hadir dalam perbincangan tersebut ialah pegawai-pegawai dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM serta beberapa orang pegawai kanan IIM.

KUNJUNGAN HORMAT DARI TUAN HAJI ABD RAZAK DERAOF, KETUA PEGAWAI INTEGRITI DAN TADBIR URUS, TELEKOM MALAYSIA BERHAD

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Haji Abd Razak Deraof, Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus, Telekom Malaysia Berhad pada 29 Ogos 2022.

Kedua-dua pihak telah membincangkan pelbagai bentuk cadangan kerjasama strategik yang boleh dijalankan antara IIM dan Telekom dalam usaha memperkasakan agenda integriti dan governans negara.

Ini termasuk keterlibatan IIM dalam Sambutan Hari Integriti Telekom yang akan disambut pada 1 November 2022. Program Bicara Integriti dengan tema “Integriti Tanpa Kompromi” antara cadangan program yang bakal diadakan pada sambutan berkenaan.

Turut hadir Ketua Dasar, Pendidikan Kumpulan Integriti dan Tadbir Urus, Telekom Malaysia Berhad, Puan Sharifa Abdul Kadar.



GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT



KUNJUNGAN HORMAT DARI KETUA PEGAWAI USAHA NIAGA DAN KELESTARIAN, AEON CO.(M) BHD., ENCIK AZLI MOHAMED

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Usaha Niaga dan Kelestarian, Aeon Co.(M) Bhd., Encik Azli Mohamed pada 18 Ogos 2022.

Kedua-dua pihak membincangkan cadangan bentuk kerjasama yang boleh dijalankan antara IIM dan AEON dalam usaha memperkasakan agenda integriti dan governans negara terutama dalam sektor peruncitan. Ini termasuk cadangan AEON untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan IIM dalam masa terdekat bertujuan melaksanakan program-program berkaitan integriti dan governans dalam ruang lingkup ESG.

Turut hadir ialah Ketua Kelestarian AEON, Encik Tan Hong Tat, serta Penolong Pengurus Besar, Governans dan Integriti AEON, Puan Shamala Mary.

KUNJUNGAN HORMAT KE UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA (TERAJU)

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Putrajaya pada 1 September 2022.

Kunjungan hormat ini diadakan sebagai memenuhi jemputan YBhg. Dato' Md Silmi Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) TERAJU untuk membincangkan tentang penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) di TERAJU serta pelbagai bentuk kerjasama lain yang boleh dilaksanakan antara kedua-dua belah pihak.



Sesi ini turut dihadiri Encik Megat Mohd Yatim Megat Hamid, Pengarah Kanan, Penyampaian Strategik, Puan Norfaazah Basir, Pengarah Kanan Khidmat Korporat serta beberapa pegawai kanan TERAJU.

Manakala pegawai IIM yang turut hadir adalah Encik Mas Affendi Masaruddin, Pemangku Pengurus Besar Khidmat Korporat, Encik Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Pemasaran dan Jualan, Puan Norashikin Baharudin, Ketua Seksyen Dasar, Pembangunan Produk & Penyelidikan, Encik Mohd Hafizzi Che Md Akhir, Ketua Seksyen Sistem Pengurusan Integriti dan Encik Zubayry Abdy Sofian, Ketua Seksyen Komunikasi Korporat.

GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan lawatan kerja libat urus dan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada 2 September 2022.

Delegasi IIM yang diketuai oleh YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah membincangkan antara lain perancangan IIM berhubung Sambutan Bulan Integriti Nasional pada bulan November 2022 serta beberapa perkembangan terkini berkaitan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IIM.



Di samping itu, IIM turut menawarkan khidmat konsultasi untuk membantu kerajaan negeri Perlis membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kepada agensi-agensi di bawah Pejabat SUK dan kepada organisasi swasta seluruh Perlis.

Dalam kesempatan ini juga, KPE IIM turut menjelaskan tentang hala tuju, mandat, peranan dan fungsi baharu IIM yang turut memfokuskan kepada program-program advokasi dan libat urus berkaitan integriti dan tadbir urus.

Pegawai Kanan IIM yang turut serta dalam kunjungan hormat ini ialah En. Mas Affendi Masaruddin, Pengurus Besar Khidmat Korporat, Encik Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Pemasaran dan Jualan dan Encik Zubayry Abady Sofian, Ketua Seksyen Komunikasi Korporat.

KUNJUNGAN HORMAT DARI NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Syamsul Zahrin Zainudin, Ketua Pegawai Eksekutif, NIOSH Certification Sdn. Bhd. pada 14 September 2022.

Kedua-dua pihak telah membincangkan pelbagai bentuk cadangan kerjasama strategik yang boleh dijalankan antara IIM dan NIOSH Certification Sdn. Bhd. serta Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dalam usaha memperkasakan agenda integriti nasional.



Ini termasuk cadangan kerjasama dalam penganjuran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2023 (AIGA 2023), pembangunan dan pelaksanaan modul kesedaran integriti dalam kursus-kursus anjuran NIOSH, pelaksanaan Kursus Seksyen 17A dan Tatacara Mencukupi secara berkala oleh IIM dan penggunaan fasiliti samada di premis NIOSH atau IIM.

Turut hadir adalah Tn Hj Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Bahagian Operasi IIM, Encik Mohd Hussin Abd Salam (Pengurus Perniagaan dan Pemasaran NIOSH), Puan Asiah Nasution Suhaimi (Pengurus Kanan Teknikal Pensijilan NIOSH Certification), dan Puan Wilhelmina Ngelambai (Pengurus Pembangunan Perniagaan NIOSH Certification).



**MODUL
INTEGRITI
PENGUAT KUASA**

Pembangunan Modul Integriti Penguat Kuasa ini adalah inisiatif Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk mengoptimalkan kefahaman dan penghayatan semua agensi penguatkuasaan mengenai integriti. Dengan adanya modul ini maka pendekatan latihan berkaitan integriti kepada anggota penguat kuasa di negara ini lebih tersusun dan efektif.

Objektif pelaksanaan

Selepas selesai mengikuti modul ini, para peserta akan dapat:

- Meningkatkan kefahaman pegawai penguat kuasa mengenai kepentingan integriti untuk diri, organisasi dan negara,
- Meningkatkan kefahaman dan ilmunya pegawai penguat kuasa agar tidak melibatkan diri dalam jenayah rasuah, sahaja atau perkara-perkara seumpama,
- Meningkatkan etika dan integriti pegawai penguat kuasa yang menjurus kepada peningkatan reputasi agensi penguatkuasaan di negara ini.

Kaedah pelaksanaan

Modul ini dikendalikan secara partisipatif dan interaktif dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMC) bagi memudahkan pelajar. Modul ini selain memberi akses ke maklumat dan menghayati setiap isu yang ingin disampaikan. Modul ini tidak hanya menggunakan pendekatan ceramah sahaja sebagai sifir yang banyak dilakukan dalam kursus-kursus agensi kerjaan tetapi turut menggunakan pendekatan:

- Bengkel
- Main Permainan
- Kajian Kas
- Latih Amal
- Tayangan Video Klip
- Pembelajaran Pendek
- Penerangan Dan Perkongsian
- Aktiviti Berbincang-bincang
- Pemerkirahan
- Refleksi

Kandungan Modul

Modul ini mengandungi tiga sub-modul yang dibangunkan dengan mengambil alih realiti kehidupan seorang pegawai penguat kuasa. Setiap sub-modul ini puli mengandungi beberapa aktiviti yang disediakan khusus untuk mencapai sub-modul tersebut. Tiga sub-modul yang dimaksudkan adalah:

- Integriti Cermin Organisasi
- Membentuk yang Biasa, Membiasakan yang Baik
- Menginstitusikan Integriti

Impak kepada individu dan organisasi

Pengukuran nilai integriti akan memberikan pegawai penguat kuasa berintegriti lagi dalam organisasi. Terhad penghayatan integriti ini juga haduh bersifat menyeluruh dan mendalam setiap aspek kehidupan mereka supaya dapat membentuk mereka menjadi orang yang baik.

Pegawai penguat kuasa yang berintegriti tinggi ini seterusnya menjadi pemimpin kepada pencapaian cemerlang misi dan visi organisasi dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan pembangunan negara.

Untuk Pertanyaan Lanjut / Penyertaan, Hubungi:
03-6209 2000
spj@integrity.my

www.integrity.my [integrity.my](#) [integritymy](#) [integriti.my](#)

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

**MODUL KURSUS KOMPREHENSIF
SISTEM INTEGRITI
KORPORAT MALAYSIA (CISM)**

Modul Kursus Komprehensif CISM merupakan projek kerjasama antara enam Ahli Mesyuarat Meja Bulat CISM. Pembangunan modul ini adalah selari dengan standard antarabangsa yang daimalkan oleh sektor swasta di Malaysia. Pembangunan modul ini adalah sebagai alternatif persefuran persediaan pembelaan syarikat korporat daripada dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Akta 694).

OBJEKTIF PELAKSANAAN

- Meningkatkan kefahaman mengenai integriti korporat
- Memahami dan melaksanakan tujuh (7) inisiatif penting CISIM
- Memahami kepentingan pematuhan Liabiliti Korporat, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Akta 694)

KUMPULAN SASARAN

- Sektor korporat khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

KAEDAH PELAKSANAAN

- Ceramah
- Latih amal
- Perbincangan dalam kumpulan
- Bengkel dalam talian
- Penerangan konsultasi

KANDUNGAN MODUL

TOPIK 1	TOPIK 2	TOPIK 3	TOPIK 4	TOPIK 5
Sistem Integrasi Korporat Malaysia (CISM)	Kepimpinan dan Inisiatif Kod Etika	Inisiatif Polisi Membentuk dan Mengawal Pencegahan Rasuah	Insiasi Pengurusan Risiko Rasuah serta Insiasi Laporan dan Komunikasi	Permataan Untuk Mengurangkan Risiko Rasuah

IMPAK KEPADA ORGANISASI

Pelaksanaan CISM akan membantu mempertingkatkan amalan serta penghayatan budaya integriti dalam kalangan syarikat/organisasi di Malaysia. Modul CISM juga adalah sebagai persiapan kepada syarikat/organisasi sekiranya dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Akta 694).

Untuk pertanyaan lanjut atau penyertaan, hubungi:
+603-6209 2000 spj@integrity.my

www.integrity.my [integrity.my](#) [integritymy](#) [integriti.my](#)



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity